



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 10 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	OKU SUKAR CARI TANDAS, PARKIR DI PREMIS AWAM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272795/berita/nasional/oku-sukar-cari-tandas-parkir-di-premis-awam	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/09/nearly-75-of-public-premises-in-malaysia-not-disabled-friendly	THESTAR.COM.MY
	https://www.samudera.my/lebih-separuh-premis-awam-tidak-mencapai-standard-mesra-oku-kpwkm/	SAMUDERA.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2214633	BERNAMA.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/09/ministry-says-study-finds-lack-of-signages-ramps-among-issues-faced-by-pwd-group/84400	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	VIDEO MONTAJ PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.youtube.com/watch?v=lc4SRq0Jols	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	'ISTERI PERNAH MINTA SAYA KAHWIN LAIN, TETAPI SAYA BELUM TERFIKIR KE ARAH ITU'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997418/isteri-pernah-minta-saya-kahwin-lain-tetapi-saya-belum-terfikir-ke-arah-itu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PROGRAM MYLESEN B2 BUKAN 'LESEN TERBANG'	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/09/program-myleсен-b2-bukan-lesen-terbang/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

10/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ELAK USIKAN MANJA DI TEMPAT KERJA JADI KEBIASAAN	
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/08/elak-usikan-manja-di-tempat-kerja-jadi-kebiasaan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	SARAWAK, PUTRAJAYA ENHANCE DEVELOPMENT COOPERATION	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-putrajaya-enhance-development-cooperation/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	ANAK MUDA BUKAN TAK PATRIOTIK, MEREKA ADA CARA TERSENDIRI TUNJUK CINTA NEGARA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997198/anak-muda-bukan-tak-patriotik-mereka-ada-cara-tersendiri-tunjuk-cinta-negara	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	14 WANITA INDONESIA JADI BURUH PAKSA DISELAMATKAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272758/berita/semasa/14-wanita-indonesia-jadi-buruh-paksa-diselamatkan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1137979/polis-selamatkan-14-wanita-indonesia-mangsa-eksploitasi-buruh	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	'DIA CAKAP TAKUT' - IBU PENGIDAP BARAH MATA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997253/dia-cakap-takut-ibu-pengidap-barah-mata	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BAPA SAUDARA MENGAKU SALAH HEMPAS BAYI, HUMBAN ANAK SAUDARA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-saudara-mengaku-salah-hempas-bayi-humban-anak-saudara-431985	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997276/cubaan-bunuh-anak-saudara-tertuduh-diarah-jalani-pemeriksaan-mental	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/272766/berita/semasa/pengan-ggur-mengaku-salah-hempas-humban-anak-saudara	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/09/pemuda-mengaku-salah-cubaan-bunuh-dua-anak-saudara/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=NDneoVQxEqc	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=--tW2b0w8ic	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WARGA EMAS HILANG DI LAUT DITEMUKAN LEMAS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/09/warga-emas-hilang-di-laut-ditemukan-lemas	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997272/warga-emas-hilang-ketika-memukat-ditemukan-mati-lemas	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-hilang-ketika-memukat-di-laut-ditemui-lemas/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	"PERLUKAN UBAT RM2 JUTA, KAMI AKAN USAHA TANPA HENTI"	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997274/perlukan-ubat-rm2-juta-kami-akan-usaha-tanpa-henti	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	IBU TUNGGAL RAYU BAIKI RUMAH DISERANG ANAI-ANAI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/09/ibu-tunggal-ratu-baiki-rumah-diserang-anai-anai/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	REMAJA 15 TAHUN DITAHAN INTAI WANITA DALAM TANDAS	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/09/remaja-15-tahun-ditahan-intai-wanita-dalam-tandas/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/272866/berita/semasa/remaja-intai-wanita-dalam-tandas-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	LELAKI GANGGU JURUFOTO WANITA BAKAL DITUDUH JENYAH MENGHENDAP	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/lelaki-ganggu-jurufoto-wanita-bakal-dituduh-atas-jenayah-menghendap/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	'BUAT ADUAN RASMI KES WANITA MAUT AKIBAT PROSEDUR BESARKAN PAYUDARA' - LING	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1137761/keluarga-wanita-maut-prosedur-besarkan-payudara-digesa-buat-aduan	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1137761/keluarga-wanita-maut-prosedur-besarkan-payudara-digesa-buat-aduan	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PROGRAM KEJAR KERJA TAWAR PELUANG BUAT WANITA DALAMI BIDANG KECANTIKAN, KREATIF	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/09/program-kejar-kerja-tawar-peluang-dalami-bidang-kecantikan-kreatif/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WANITA ANTARA TIGA DITAHAN DISYAKI TERLIBAT PECAH RUMAH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-antara-tiga-ditahan-disyaki-terlibat-pecah-rumah-432073	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	IBU MERAUNG LIHAT CCTV ANAK DIPUKUL DI TASKA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272888/berita/politik/ibu-meraung-lihat-cctv-anak-dipukul-di-taska	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/997525/pilu-lihat-rakaman-cctv-anak-didera-pengasuh-taska-dipukul-ketika-makan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	PENCERITA ANTARABANGSA TAMPIL DI FESTIVAL KANAK-KANAK SARAWAK	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2214658	BERNAMA.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my


f t @ kpwkm

10/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	REMAJA SELAMAT KANAK-KANAK DALAM KEBAKARAN TERIMA SIJIL PENGHARGAAN	
	https://selangorkini.my/2023/08/remaja-selamat-kanak-kanak-dalam-kebakaran-terima-sijil-penghargaan/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	SASAR PENDUDUK BANGI SUMBANG RM2 JUTA UNTUK ADIK SUFI SYAFRINA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272827/berita/nasional/sasar-penduduk-bangi-sumbang-rm2-juta-untuk-adik-sufi-syafrina	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	POLIS CARI EMPAT SUSPEK SAMUN PASANGAN WARGA EMAS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272875/berita/semasa/polis-cari-empat-suspek-samun-pasangan-warga-emas	SINARHARIAN.COM.MY



TAJUK : AKTA 840 TANGANI GANGGUAN SEKSUAL, SEDIA PERSEKITARAN SELAMAT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Akta 840 tangani gangguan seksual, sedia persekitaran selamat

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyifatkan penggubalan Akta Antigungguan Seksual 2022 (Akta 840), sebagai akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual untuk memperkasakan kesejahteraan rakyat, khususnya golongan hawa dengan menyediakan persekitaran selamat dan kondusif.

Penguatkuasaan akta ini sudah dilaksanakan secara berperingkat, pada 28 Mac lalu yang membabitkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pada 2022, Selangor merekodkan 127 kes gangguan seksual, iaitu 114 kes atau 90 peratus membabitkan gangguan seksual terhadap wanita.

Katanya, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), menunjukkan jumlah kes gangguan seksual dilaporkan meningkat daripada 378 kes pada 2020 kepada 506 kes pada 2021.

"Meskipun, kes dilaporkan membabitkan lelaki dan perempuan, data menunjukkan majoriti kes dilaporkan membabitkan pemandiri wanita berbanding lelaki.

"Ini hanya data rasmi berdasarkan laporan kes diterima, saya percaya banyak lagi kes tidak dilaporkan kerana malu, segan dan tidak tahu bagaimana untuk melaporkan kes.

"Justeru, diharapkan agar menerusi akta khusus sudah dikuatkuasakan pada Mac lalu dapat membantu pemandiri untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tinda-

kan dapat diambil dengan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis perasmian Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Anti Gangguan Seksual peringkat Negeri Selangor di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), baru-baru ini.

Tingkat kesedaran

Nancy berkata, pelaksanaan program advokasi pencegahan dan kesedaran antigangguan seksual yang akan dilaksanakan ke seluruh negara pada tahun ini bertujuan memberikan kesedaran, pendidikan mengenai gangguan seksual agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.

Katanya, isu gangguan seksual bukan sesuatu yang baharu kerana kini gangguan seksual bukan sahaja berlaku secara fizikal, tetapi juga dalam talian.

"Walaupun masalah ini bukan perkara yang mudah untuk ditangani, sangat penting dan mustahak untuk kita menguar-uarkan dan teruskan perbincangan isu gangguan seksual serta isu jenayah intip dan hndap atau *stalking*," katanya.


Beliau berkata, kes gangguan seksual ini boleh memberi kesan buruk kepada individu.

"Kesan kepada pemandiri gangguan seksual tidak terhad gangguan mental sahaja kerana ia juga boleh mendorong jenayah seksual yang lebih serius dan impaknya terhadap pemandiri sangat negatif, termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan.

"Justeru, kita perlu sentiasa menambah baik undang-undang semasa agar sesuai dengan peradaran masa," katanya.



Nancy (tengah) bersama peserta Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi AntiGangguan Seksual di MAEPS, Serdang, baru-baru ini.
(Foto Azhar Ramli/BH)



TAJUK : KONGSI TUGAS KURANGKAN BEBAN ISTERI BEKERJAYA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kongsi tugas kurangkan beban isteri bekerjaya

Basmin Maarof,
Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Sebelum kemerdekaan, pintu buat wanita untuk mendapat peluang pendidikan tidak dibuka dengan meluas. Namun, selepas merdeka kerajaan mula menekankan pembabitan wanita dalam pekerjaan, sekaligus membuka luas peluang untuk mendapat pendidikan.

Susulan itu, bilangan wanita yang mendapat pendidikan semakin bertambah. Hari ini berdasarkan statistik Kementerian Pengajian Tinggi pada 2021, pelajar wanita mendominasi jumlah mereka yang menuntut di institut pengajian tinggi. Malah, bilangan pelajar wanita melepasi lelaki sudah menjadi trend sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sekalipun begitu, keadaan sebaliknya pula berlaku di sektor pekerjaan negara. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021 mencatatkan lelaki menguasai pasaran kerja sebanyak 81 peratus. Wanita pula hanya menyumbang 55.4 peratus. Trend ini sebenarnya sudah berterusan sejak sekian lama.

Maka, timbul persoalan, apakah yang mendorong wanita berpendidikan tinggi memilih tidak bekerja atau berhenti kerja? Sedangkan mereka pernah memiliki cita-cita tinggi dalam kerjaya ketika membuat keputusan melanjutkan pengajian.

Satu kajian pada 2022 berkaitan pembabitan wanita berpendidikan tinggi dalam bidang pekerjaan mendapati, 45.8 peratus memilih menjadi suri rumah atas faktor kesejahteraan anak dan keluarga.

Ini diikuti sebab lain misalnya pilihan peribadi, tiada peluang pekerjaan, kesukaran mengimbangkan peranan kerja dan rumah tangga, kualiti pusat penjagaan anak yang tidak memuaskan.

Hal ini mudah difahami kerana masyarakat di Malaysia umumnya masih mengutamakan dan mempraktikkan nilai keluarga tradisional yang meletakkan fungsi utama wanita sebagai pengurus rumah tangga.

Justeru, penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan tidak mengurangkan persepsi masyarakat terhadap peranan dan tanggungjawab mereka sebagai ibu, isteri dan pengurus rumah tangga.

Peranan penjaga rumah tangga yang diletakkan sepenuhnya kepada wanita yang bekerjaya sudah tentu akan mengandakan beban di bahu secara

mental dan fizikal.

Sebaliknya, apabila suami berperanan sebagai pasangan yang berkongsi tanggungjawab menguruskan anak dan rumah tangga, keadaan ini akan mengurangkan dilema wanita bekerjaya.

Sepakat pikul tugas jaga keluarga

Sering kali wanita berasa tersepit antara keputihan pada tugas dalam pekerjaannya dan memelihara perannya sebagai seorang ibu dan isteri. Benar, tanggungjawab memelihara keluarga harus diutamakan berbanding kerja, namun tugas menjaga keluarga harus sepakat dipikul bersama oleh kedua-dua suami isteri.

Dalam isu menyumbang kepada keluarga sejahtera juga, polisi tempat kerja juga boleh diubah. Ketika pandemik COVID-19 misalnya, banyak kerja diselesaikan dengan polisi bekerja dari rumah.

Kajian 2022 mendapati, tiga daripada lima pekerja di Malaysia berasakan kualiti kerja yang dihasilkan bertambah baik melalui kerja hibrid. Menurut kajian ini, gaya hidup bekerja hibrid terbukti meningkatkan kesejahteraan, keseimbangan kehidupan bekerja dan prestasi keseluruhan pekerja di Malaysia.


Tidak semua orang perlu bekerja di pejabat atau mempunyai pasangan atau sokongan keluarga untuk diharapkan. Persekitaran kerja yang mesra keluarga dapat menyokong meraikan pelbagai gaya keibubapaan dan realiti sosioekonomi yang dihadapi oleh sesebuah keluarga.

Menurut Timbalan Pengerusi Persatuan Suri Rumah Rahmah Malaysia (SRR), Ila Nursalida, kebiasaannya selepas kira-kira 10 tahun menjadi suri rumah, wanita berpendidikan tinggi akan mempertimbangkan keputusan untuk memasuki alam pekerjaan semula selepas keadaan anak dan keluarga kembali stabil.

Faktor yang mempengaruhi wanita berpendidikan tinggi berehat daripada alam kerjaya sering kalinya faktor sementara. Kesiediaan diri dan persekitaran kerja yang menggalakkan akan menarik mereka semula untuk bekerja.

Jadi, konsep keseimbangan hidup bekerja adalah norma baharu yang harus digalakkan dan disokong bagi menarik dan mengekalkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Bagi merealisasikan hasrat ini, majikan, pekerja dan ahli keluarga harus bekerjasama sebagai satu pasukan, menguatkan antara satu sama lain.



Penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan tidak menghalang peranan dan tanggungjawab sebagai ibu, isteri dan pengurus rumah tangga.



TAJUK : MENGAKU SALAH CUBA BUNUH ISTERI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mengaku salah cuba bunuh isteri

Butterworth: Seorang pekerja ladang mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan cubaan membunuh isterinya dengan membakar wanita itu sehingga menyebabkan kecederaan parah, hujung bulan lalu.

Tertuduh, R Rethinasamy, 36, membuat pengakuan itu ketika kertas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan niat cuba membunuh isterinya berusia 35 tahun sehingga mengakibatkan wanita itu mengalami kecederaan parah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Ladang Mayfield, Tasek Gelugor, dekat sini, jam 10.30 malam pada 31 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 10 tahun serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Jika perbuatan itu menyebabkan kecederaan kepada seseorang, tertuduh



Rethinasamy diiringi anggota polis ketika hadir di Mahkamah Butterworth.

(Foto Danial Saad/BH)

turut boleh dihukum di bawah kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Semasa prosiding, Wan Amira membantah jaminan ditawarkan terhadap tertuduh memandangkan

kesalahan serius yang dilakukan terhadap isterinya.

“Mangsa dilaporkan melecir tahap tiga ekoran kecederaan hampir keseluruhan badan dan masih tidak sedarkan diri di Hospital Pulau Pinang (HPP),” katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan 11 September depan untuk serahan laporan perubatan mangsa dan lantikan peguam.



TAJUK : PEMANDU LORI DITUDUH BUNUH BAPA SENDIRI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 19

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pemandu lori dituduh bunuh bapa sendiri

Mangsa didakwa mabuk sebelum berlaku pergaduhan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Seorang pemandu lori dihadapkan ke Mahkamah

Majistret di sini semalam, atas tuduhan membunuh bapanya, empat hari lalu.

Tertuduh, P Niruben, 26, menganguk faham sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret V Vanita, namun tiada pengakuan direkodkan.

Berdasarkan pertuduhan, Niruben didapati membunuh K Paramasivan, 49, pada Sabtu lalu antara kira-kira jam 12.20 tengah malam hingga jam 1.10 pagi di rumah keluarganya di Taman D'Ambang Kota, Lukut.



Niruben didakwa di Mahkamah Majistret semalam kerana membunuh bapanya lima hari lalu.

(Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dihukum mati atau penjara antara 30 hingga 40 tahun dan jika tidak dihukum mati, perlu juga dikenakan sebat tidak kurang 12 kali.


Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Nadia Ezzati Mohd Zainal tidak menawarkan jaminan kepada tertuduh.

Mahkamah kemudian menetapkan 12 September ini sebagai sebutan semula kes.

Keluarkan kata-kata kesat
Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki maut dipercayai dipukul anak lelakinya dalam kejadian di rumah mereka di taman berkenaan tengah malam Sabtu lalu.

Dalam kejadian itu, mangsa dikatakan mabuk dan membuat bisbing sambil mengeluarkan kata-kata kesat sebelum berlaku pergaduhan antara dua beranak itu.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed, berkata suspek kemudian ditahan polis di lokasi kejadian.



TAJUK : **PENGANGGUR BUNUH ANAK SAUDARA DIARAH JALANI PEMERIKSAAN MENTAL**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **10 OGOS 2023**

M/SURAT : **18**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Penganggur bunuh anak saudara diarah jalani pemeriksaan mental

Georgetown: Seorang penganggur mengaku bersalah atas dua pertuduhan cubaan membunuh anak saudaranya di Mahkamah Sesyen Jenayah di sini, semalam.

Tertuduh, Mohammad Azmin Hamanullah, 28, membuat pengakuan itu apabila pertuduhan dibacakan jurubahasa secara berasingan di hadapan Hakim, Mazdi Abdul Hamid.

Bagi pertuduhan pertama, bekas pemandu lori itu mengaku bersalah cuba membunuh seorang bayi perempuan berusia 44 hari sehingga menyebabkan kecederaan di Flat Nusantara, Jalan Makloom di sini, kira-kira jam 3 petang 2 Ogos lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia juga mengaku bersalah cuba membunuh seorang budak perempuan berumur tiga tahun sehingga menyebabkan kecederaan pada mangsa di lokasi yang sama kira-kira jam 3.30 petang.

Mohammad Azmin didakwa mengikut Seksyen



Mohammad Azmin dibawa ke Mahkamah Sesyen Jenayah Georgetown, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

307(1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun serta denda dan jika perbuatan itu menyebabkan cedera kepada seseorang maka tertuduh boleh dikenakan penjara maksimum 20 tahun.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Lee Jun Keong dan Nurnajihatul Idayu Mohd Azuyar; tertuduh tidak diwakili peguam.


Tertuduh yang berpakaian hospital dengan tangan kirinya berbalut kelihatan berada dalam keadaan keliru dan berulang kali me-

nyatakan pengakuan bersalah pada masa yang sama turut mohon dibicarakan.

Hakim Mazdi kemudiannya memerintahkan tertuduh dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta di Perak untuk pemeriksaan tahap kesihatan mentalnya.

"Jaminan tidak dibenarkan. Mahkamah perintahkan kamu dihantar ke Hospital Bahagia Tanjung Rambutan untuk pemeriksaan lanjut mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah," katanya.

Mahkamah menetapkan 11 September ini tarikh sebutan semula kes.



TAJUK : 4,140 ANAK USAHAWAN AIM NIKMATI TUISYEN SECARA PERCUMA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



DR Wan Azizah (dua, kiri) bersalaman dengan usahawan pada Pelancaran Program Tuisyen Untuk Anak Sahabat Usahawan AIM.

4,140 anak usahawan AIM nikmati tuisyen secara percuma

Kuala Nerus: Seramai 4,140 anak sahabat usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) mendapat manfaat menerusi program tuisyen percuma di seluruh negara.

Pengarah Urusan AIM Shamir Aziz berkata, program yang bermula Julai tahun lalu membabitkan penyertaan 197 tenaga pengajar berpengalaman dalam bidang pendidikan.

Beliau berkata, setakat ini 133 pusat dibuka di seluruh negara dan program tuisyen percuma itu terdiri anak dari golongan B40.

"Kami memperuntukkan RM1.2 juta bagi tahun lalu dan tahun ini.

"Tuisyen percuma bermatlamat memberi peluang kepada golongan kurang mampu supaya dapat menghantar anak mereka mengikuti pengajian tambahan.

"Rata-rata murid tahun lima dan enam terdiri dari golongan B40 meningkatkan penguasaan dalam dua mata pelajaran teras iaitu Matematik dan Bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Program Tuisyen untuk anak sahabat usahawan AIM sempena Karnival Sahabat Usahawan Madani AIM Wilayah Terengganu di The Payang Scout Hotel, di

sini, semalam.

Majlis pelancaran itu dirasmikan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak yang juga isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Turut hadir, Pengerusi Lembaga AIM Datuk Seri Dr Syed Hussian Syed Junid.

Shamir berkata, pihaknya menjadikan bilik mesyuarat di pejabat cawangan AIM sebagai kelas tuisyen pada waktu petang.


Beliau berkata, program ini bukan saja memberi manfaat kepada anak sahabat usahawan, malah kepada lepasan graduan yang belum dapat pekerjaan.

"Tenaga pengajar terbabit dibayar RM400 sebulan manakala murid disediakan makan minum sepanjang mengikuti tuisyen," katanya.

Sementara itu, Siti Sakinah Bakar, 34, berkata, dia berterima kasih kepada AIM kerana menyediakan pusat tuisyen kepada golongan tidak berkemampuan sepertinya.

Ibu tiga anak yang tinggal di Kampung Kepong, Kuala Terengganu berkata, dia tidak mampu menghantar anak ke pusat tuisyen.

"Saya bersyukur, selepas anak ikuti tuisyen ada peningkatan pelajarannya," katanya.



TAJUK : ABANG SULUNG BUAT LAPORAN PALSU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Kulim

Seorang lelaki maut selepas dipercayai dibunuh adik bongsunya selepas dua beradik itu bergelut dalam pertengkaran di rumah mereka di Taman Mahkota di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kulim Superintendan Mohd Redzuan Salleh berkata, abang sulung berusia 26 tahun membuat laporan polis kira-kira jam 12.30 tengah hari mendakwa adiknya cedera akibat terjatuh ketika bekerja di kandang kambing.

Menurutnya, dalam laporan itu, mangsa berusia 21 tahun dikatakan terjatuh kira-kira jam 10.10 pagi lalu dibawa ke Hospital Kulim sebelum disahkan meninggal dunia.

"Hasil siasatan mendapati abang sulung mangsa didapati membuat laporan palsu untuk menyembunyikan kejadian sebenar.

"Kejadian (sebenar) dipercayai berlaku sewaktu pertengkaran dan pergelutan antara si mati dengan adik bongsunya berusia 18 tahun.

Abang sulung buat laporan palsu

Polis tahan dua beradik susulan kematian saudara kandung



RUMAH di Taman Mahkota, Kulim dipercayai menjadi tempat pegauduhan dua beradik sebelum seorang daripadanya meninggal dunia.



Kejadian (sebenar) dipercayai berlaku sewaktu pertengkaran dan pergelutan antara si mati dengan adik bongsunya berusia 18 tahun"

Mohd Redzuan Salleh

"Berikutan itu, polis menahan abang sulung yang mempunyai rekod jenayah lampau termasuk kes dadah dan adik bongsunya yang turut memiliki rekod jenayah untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya, laporan bedah siasat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar mendapati punca kematian mangsa akibat tikaman di jantung.

Katanya, setakat ini punca kejadian masih dalam siasatan dan kedua-dua suspek direman tujuh hari sehingga 14 Ogos ini untuk membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh," katanya.



TAJUK : GALAK SERTAI SEKTOR PEKERJAAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Galak sertai sektor pekerjaan



Sokongan majikan pengaruhi produktiviti wanita keluar bekerja

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Pelbagai faktor perlu diambil kira dan ditambah baik bagi menggalakkan wanita menyertai sektor pekerjaan kerana sokongan terutama daripada majikan akan mempengaruhi produktiviti golongan itu.

Timbalan Pengarah Putra Park, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Rusmawati Said berkata, faktor utama perlu dipenuhi ialah tempat penjagaan anak-anak yang selamat ketika wanita bekerja.


Menurutnya, sesetengah negara maju menyediakan taska di tempat kerja bagi memudahkan pekerja wanita menghantar anak supaya boleh bekerja dengan tenang tanpa memikirkan soal pengasuh atau keselamatan anak.

Katanya, ada juga negara maju menyediakan kupon khas sebagai bantuan dalam mengurangkan beban kos taska ditanggung pekerja wanita berpendapatan rendah dan ini akan meningkatkan pendaftaran taska berdaftar kerana kupon hanya boleh ditebus di taska berkenaan saja.

"Di Malaysia, taska di tempat kerja memang ada, namun perlu diperluaskan kerana kebanyakan taska hanya disediakan di kementerian dan jabatan kerajaan saja manakala sektor swasta masih belum meluas.

"Ini kerana kos menyediakan perkhidmatan ini tinggi dan rumit daripada segi pengurusan selain ada juga segelintirnya mempunyai persepsi isu anak tanggungjawab sendiri dan tidak boleh campur aduk dengan kerja sedangkan dalam mengira produktiviti pekerja, aspek penjagaan anak itu sangat penting kerana akan mempengaruhi emosi dan produktiviti mereka.

"Malah, model ekonomi buruh menekankan masa luar waktu pejabat juga akan mempengaruhi produktiviti pekerja. Sebagai majikan, kita juga perlu prihatin dan ambil kira faktor itu bagi membolehkan pe-



SESETENGAH negara maju menyediakan taska di tempat kerja bagi memudahkan pekerja wanita menghantar anak supaya boleh bekerja dengan tenang tanpa memikirkan soal pengasuh atau keselamatan anak.



kerja wanita kita lebih produktif", katanya.

Pakar Ekonomi Buruh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM itu berkata, faktor persekitaran tempat bekerja dan jenis pekerjaan juga memainkan peranan dalam menggalakkan wanita keluar bekerja.

"Diskriminasi terhadap wanita tidak ketara di Malaysia, tetapi masih wujud di sesetengah tempat kerja dan akan mengutamakan lelaki contohnya untuk memegang sesetengah jawatan terutama dalam jawatan tinggi dalam syarikat.

"Jenis pekerjaan itu sendiri contohnya sektor pembinaan tidak mesra atau membolehkan wanita menyertainya, tetapi sekiranya Malaysia memperluaskan penggunaan teknologi se-



Di Malaysia, taska di tempat kerja memang ada, namun perlu diperluaskan kerana kebanyakan taska hanya disediakan di kementerian dan jabatan kerajaan saja manakala sektor swasta masih belum meluas"

Prof Dr Rusmawati Said



Taska untuk meletakkan anak perlu dekat dengan tempat kerja supaya mereka tidak terkejut-kejar dan membuang masa dan membazir kos petrol akibat terperangkap di jalan untuk hantar anak serta ke tempat kerja"

Shiella Tukimin

ra," katanya.

Katanya, fleksibiliti tempoh wanita bekerja juga memerlukan kajian dan perbincangan lanjut dengan pemegang taruh terutama majikan bagi mendapatkan situasi menang-menang berikutan faktor itu juga mempengaruhi keputusan wanita bekerja.

"Negara maju seperti United Kingdom (UK) dan Sweden menyediakan masa bekerja fleksibel kepada wanita termasuk diberi pilihan sama ada mahu bekerja secara fleksibel atau sepenuh masa tanpa menjejaskan pencapaian tahunan mereka dan pada masa sama membantu golongan itu menguruskan keluarga dengan baik.

"Namun, kajian lanjut masih diperlukan untuk menetapkan tempoh sesuai wanita bekerja di Malaysia mengikut keadaan negara kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mampu mencapai sasaran kadar 60 peratus buruh wanita setanding ekonomi serantau sekiranya semua faktor terbahagi dapat ditangani dan ditambah baik.

"Bukan perkara mustahil untuk

capai 60 peratus kerana labour supply (graduan) kita ramai wanita, malah penyertaan buruh wanita kita sekarang pada tahap 55.5 peratus.

"Cuma, kita mengharapkan semua pihak terutama majikan bekerjasama dalam menyokong usaha meningkatkan pembabitan wanita dalam sektor pekerjaan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wanita dan Ibu Tunggal (Witus), Shiella Tukimin berkata, golongan itu perlu dibantu supaya dapat mengimbangi tugas di tempat kerja dan tanggungjawab mengurus keluarga.

"Ta perlu dekat dengan tempat kerja supaya mereka tidak terkejut-kejar dan membuang masa serta membazir kos petrol akibat terperangkap di jalan untuk hantar anak dan ke tempat kerja.


"Tempoh kerja wanita mungkin boleh dikurangkan kepada tujuh jam atau selaraskan waktu tamat bekerja jam 4 petang di sektor swasta dan kerajaan kerana jika mereka balik selepas jam 5 petang dengan keadaan trafik sesak, mereka tiba di rumah malam.

"Ini akan menjejaskan tanggungjawab mereka di rumah serta produktiviti kerja kerana tidak cukup rehat dan keletihan. Apatah lagi ramai keluar seawal pagi menghantar anak ke sekolah dan taska sebelum masuk kerja," katanya.

Katanya, kerajaan juga boleh memikirkan bantuan kewangan bersesuaian bagi meringankan beban ditanggung kerana jika bayaran taska tinggi maka sudah tentu tidak berbaloi golongan itu keluar bekerja.



SHIELLA



TAJUK : JURUJUAL CEDERA DIROTAN BAPA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Jurujual cedera dirotan bapa

Segamat: Seorang jurujual wanita mengalami kecederaan pada beberapa bahagian badan selepas dipukul bapanya yang dipercayai 'naik angin' dengan menggunakan rotan di Kampung Melayu Raya di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah (*gambar*) berkata, pihaknya menerima laporan daripada mangsa berusia 20 tahun kira-kira jam 12.16 malam memaklumkan mengalami luka teruk selepas dipukul dengan rotan kecil.

Menurutnya, pihak polis menjalankan siasatan sebelum menahan bapa mangsa yang juga penoreh getah berusia 45 tahun di kediamannya pada jam 2.33 pagi.

Katanya, kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 11 pagi kelmarin apabila mangsa didatangi bapanya yang secara tiba-tiba bertindak merotannya lebih 10 sebatan di betis, peha dan siku dengan menggunakan rotan.

"Siasatan awal mendapati bapa mangsa bertindak demikian berikutan tidak berpuas hati terhadap anak perempuan sulung-



nya itu kerana mengikuti saudaranya bekerja sebagai jurujual di Sungai Buloh tanpa memaklumkan kepadanya terlebih dahulu.

"Mangsa menerima rawatan di Hospital Daerah Segamat (HDS) kerana kecederaan serius yang dialami kesan daripada sebatan bertalu-talu terabit," katanya.

Menurutnya, siasatan mendapati suspek memiliki beberapa rekod jenayah berkaitan kes curi dan menyamar sebagai penjawat awam.

Katanya, suspek kini direman selama tiga hari mulai kelmarin bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.



TAJUK : KELUARGA BUAT LAPORAN RASMI KEPADA JKNJ

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

SUSULAN WANITA MAUT SELEPAS PROSEDUR BESAR PAYUDARA

Keluarga buat laporan rasmi kepada JKNJ

Johor Bahru: Keluarga wanita yang maut selepas membuat prosedur membesarkan payudara dipercayai dilakukan pakar kecantikan tidak bertauliah pada 29 Julai lalu akan membuat aduan rasmi kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ).

Suami wanita itu yang dikenali sebagai Wong, 35, berkata, pihaknya akan menghubungi JKNJ bagi membuat temujanji untuk membuat aduan rasmi berkenaan.

Katanya, dia berharap pengusaha rawatan kecantikan itu dikenakan tindakan undang-undang.

"Ya, saya akan buat aduan rasmi secepat mungkin. Sebelum ini saya sudah buat laporan polis berhubung insiden kematian isteri, Ahad lalu.

"Saya berharap tindakan tegas undang-undang dapat dibuat terhadap pengusaha rawatan kecantikan itu.

"Mereka beroperasi di rumah semasa membuat prosedur isteri dan saya percaya mereka tiada lesen.

"Isteri saya meninggal dunia dan keputusan bedah siasatan pertama mendapati bahagian payudara isteri dipenuhi kuman.

"Keputusan kedua akan diperoleh dalam tempoh masa tiga bulan selepas



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

"Isteri saya meninggal dunia dan keputusan bedah siasatan pertama mendapati bahagian payudara isteri dipenuhi kuman. Keputusan kedua akan diperoleh dalam tempoh masa tiga bulan selepas sampel darah isteri dihantar ke makmal"

sampel darah isteri dihantar ke makmal," katanya ketika dihubungi, semalam. Kelmarin, JKNJ menggesa

keluarga wanita terbabit membuat aduan rasmi berhubung kejadian terbabit.


Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri Ling Tian Soon dilaporkan berkata, siasatan tidak dapat dijalankan dengan teliti kerana tiada aduan rasmi diterima dari keluarga mangsa.

"Sekiranya aduan rasmi dibuat ahli keluarga mangsa, JKNJ boleh menyiasat kes berkenaan mengikut Akta 586.

"Akta 586 ialah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Siswa 1998 bagi memastikan pusat rawatan kecantikan tersebut mematuhi prosedur operasi standard dan juga mempunyai lesen profesional yang berkaitan," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial kematian ibu muda berusia 29 tahun yang dikenali sebagai Chen selepas empat hari membuat prosedur membesarkan payudara yang dipercayai dibuat oleh pakar kecantikan tidak bertauliah di sebuah rumah di Taman Mutiara Rini, Skudai.

Mangsa yang mempunyai dua anak berusia sembilan dan 12 tahun meninggal dunia pada 2 Ogos lalu.



TAJUK : PEKERJA LADANG MENGAKU CUBA BUNUH ISTERI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Butterworth: Seorang pekerja ladang mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan cubaan membunuh isterinya dengan membakar wanita itu sehingga menyebabkan kecederaan parah, bulan lalu.

Tertuduh, R Rethinasamy, 36, membuat pengakuan itu selepas kertas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim

Pekerja ladang mengaku cuba bunuh isteri

Zulhazmi Abdullah.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa dengan niat cuba membunuh isterinya berusia 35 tahun sehingga mengakibatkan wanita itu mengalami kecederaan parah.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah ladang di Tasek Gelugor, dekat sini,

jam 10.30 malam pada 31 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 10 tahun serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Jika perbuatan itu menyebabkan kecederaan kepada

seseorang, tertuduh turut boleh dihukum di bawah kanun sama yang membara hukuman penjara maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Wan Amira membantah sekeras-kerasnya jaminan ditawarkan terhadap lelaki itu kerana ia adalah kesalahan serius yang dilakukan terhadap isteri sendiri.

"Mangsa dilaporkan melecur tahap tiga ekoran kecederaan hampir keseluruhan badan. Dia (mangsa) masih tidak sedarkan diri

dan sedang menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang (HPP)," katanya.

Mahkamah menetapkan 11 September depan untuk serahan laporan perubatan mangsa dan lantikan peguam.

Terdahulu, media melaporkan pekerja ladang tergamak menyimbah petrol dan membakar isterinya akibat perselisihan faham membabitkan keluarga.



TAJUK : PEMANDU LORI DITUDUH BUNUH BAPA KANDUNG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Port Dickson: Seorang pemandu lori dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas tuduhan membunuh bapa kandungnya.

Tertuduh, P Niruben, 26, menganggu faham sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret V Vanita.

Pemandu lori dituduh bunuh bapa kandung

Bagaimanapun tiada pengakuan direkodkan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didapati membunuh K Paramasivan, 49, pada 5 Ogos di rumah keluarganya di Taman D'Am-

bang Kota, Lukut di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun dan maksimum 40

tahun jika sabit kesalahan.

Tertuduh juga boleh dikenakan hukuman sebat jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Nadia Ezzati Mohd Zainal tidak

menawarkan ikat jamin kepada tertuduh.

Mahkamah kemudian menetapkan 12 September ini sebagai sebutan semula kes.

Media sebelum ini me-

laporkan seorang lelaki maut dipukul anak lelakinya Sabtu lalu, selepas mangsa dikatakan mabuk dan membuat bising yang menjadi punca berlaku pergaduhan antara dua beranak itu.



TAJUK :	PENGANGGUR MENGAKU CUBA BUNUH ANAK SAUDARA		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	10 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Georgetown: Seorang penganggur mengaku bersalah atas dua pertuduhan cubaan membunuh anak saudaranya ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Tertuduh, Mohammad Azmin Hamanullah, 28, membuat pengakuan itu apabila pertuduhan dibacakan jurubahasa secara berasingan di hadapan Hakim Mazdi Abdul Hamid.

Bagi pertuduhan pertama, bekas pemandu lori itu

Penganggur mengaku cuba bunuh anak saudara

mengaku bersalah cuba membunuh bayi perempuan berusia 44 hari sehingga menyebabkan kecederaan di Flat Nusantara, Jalan Makdoom, di sini, kira-kira jam 3 petang, 2 Ogos lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia sekali lagi mengaku bersalah cuba membunuh seorang kanak-kanak perempuan berumur tiga tahun sehingga menyebabkan ke-

cederaan pada mangsa di lokasi sama kira-kira jam 3.30 petang.

Mohammad Azmin didakwa mengikut Seksyen 307(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun serta denda dan jika perbuatan itu menyebabkan cedera kepada seseorang, tertuduh boleh dikenakan penjara maksimum 20 tahun.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Lee Jun Keong dan Nurnajihatul Idayu Mohd Azuyar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh yang berpakaian hospital dengan tangan kirinya berbalut kelihatan berada dalam keadaan ke-liruan dan berulang kali menyatakan pengakuan bersalah sertra pada masa sama

turut mohon dibicarakan.

Mazdi kemudian memerintahkan tertuduh dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta di Perak untuk pemeriksaan tahap kesihatan mentalnya.

"Jaminan tidak dibenarkan. Mahkamah perintahkan kamu dihantar ke Hospital Bahagia untuk pemeriksaan lanjut mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara

Jenayah," katanya.

Mahkamah menetapkan 11 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pada 3 Ogos lalu, media melaporkan polis menahan lelaki berusia 28 tahun yang dikatakan melempar anak saudaranya berusia tiga tahun dari tingkat satu pangsapuri kediaman mereka.

Suspek turut dilaporkan menghempas anak kepada kakaknya ke lantai sebelum menggelar pergelangan tangan kirinya sendiri.



TAJUK :	LABOURER ADMITS TO ATTEMPTS MURDER OF WIFE		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	10 OGOS 2023	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



R. Rethinasamy being escorted into the Butterworth Sessions Court yesterday to be charged with attempting to murder his wife on July 31. PIC BY DANIAL SAAD

WOMAN SET ON FIRE

Labourer admits to attempted murder of wife

BUTTERWORTH: A plantation worker pleaded guilty in the Sessions Court here yesterday to attempting to murder his wife by setting her on fire and severely injuring her.

R. Rethinasamy, 36, admitted to the offence when the charge was read to him by the court interpreter before judge Zulhazmi Abdullah.

He committed the offence against his 35-year-old wife at premises in Ladang Mayfield in Tasek Gelugor here about 10.30pm on July 31.

He was charged under Section 307 of the Penal Code.

Deputy public prosecutor Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak told the court the prosecution was not offering bail to the accused, who was unrepresented, due to the seriousness of the offence.

"Also, the victim in this incident is the accused's wife.

"The victim is reported to have suffered third degree burns to almost her entire body.

"She is still unconscious and being treated at Penang Hospi-

tal," she said.

Zulhazmi fixed Sept 11 pending the victim's medical report and for the accused to appoint a lawyer.

It was reported that a 36-year-old man allegedly set his 35-year-old wife on fire using petrol in a house at the oil palm estate after the couple were believed to have had a misunderstanding.

The couple's 13-year-old son was reported to have overheard the fight between his parents from inside his room, and tried to intervene but the door was latched shut from the outside.

When he did manage to get out, the teenager saw his mother on fire at the back of the house while his father was trying to put out the flames.

When the flames got out of control, the father fled.

The son then put out the fire with water before asking the neighbours for help.

The father was seen leaving the plantation area and had boarded a factory van after the incident.

He was detained in Nibong Tebal last Thursday.



TAJUK : 'PROBLEMS AFFECTING KIDS, FAMILY SHOULDN'T BE ADDRESSED IN SILO'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Problems affecting kids, families shouldn't be addressed in silo'

KUCHING: Psychopathology, psychological and behavioural dysfunction and related social issues and problems affecting children and families are complex and should not be addressed in silo, said Datuk Seri Fatimah Abdullah.

The Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak said integrated, collaborative and holistic approaches are required from all walks of life.

"Let us together, be it government agencies, private and commercial organisations, non-governmental organisations and philanthropists, in the spirit of collective responsibility and actions, do something and care for the community wellbeing of our children, adolescents, and families to enhance their social functional roles in our society," she said.

She said this in her speech at the closing ceremony of the 15th International Conference on Child and Adolescent Psychopathology (ICCAP) 2023 at a hotel here yesterday.

Fatimah also mentioned a few specific dos in addressing the community wellbeing of the children, adolescents and families.

"Let us eat healthily and



Fatimah (seated centre) and conference participants in a group photo at the closing ceremony.


exercise regularly to prevent overweight or obesity, promote a psychologically-safe environment among our adolescents, and spread awareness on cyberbullying perpetration among school-going adolescents and stop cyberbullying," she said.

Referring to a recent evidence-based statistics on the National Health & Morbidity Survey (NHMS) – Adolescent Health Survey 2022 conducted by the Ministry of Health, she said it is vital to urgently address the wellbeing and mental health of the children, young people, and their families.

"This conference is therefore timely as it provides researchers,

academics, and practitioners an ideal platform to congregate, share information and discuss their scientific results and experiences to address psychopathology and related issues affecting our vulnerable children and adolescents in Malaysia and other countries," she said.

At the localised level, Fatimah said the Sarawak government through her ministry is committed to provide a supportive and conducive ecosystem to ensure the wellbeing of children and families through various targeted initiatives and programmes, functional governance, and participation of the community.



TAJUK :	APPEALS COURT COMMUTED NIGERIAN'S DEATH SENTENCE TO 35 YEARS IN JAIL FOR 2019 KILLING OF NURSE		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	10 OGOS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Appeals court commutes Nigerian's death sentence to 35 years in jail for 2019 killing of nurse

PUTRAJAYA: A Nigerian man escaped the gallows after the Court of Appeal here yesterday commuted the death sentence imposed on him for the murder of a chief nurse at Serdang Hospital to 35 years' imprisonment.

A three-member panel of the Court of Appeal, comprising Justices Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim and Datuk S.M. Komathy Suppiah also ordered Alowonle Oluwajuwon Gilbert, 40, to be given 12 strokes of the cane. The jail sentence was ordered to commence from the date of his arrest on May 16, 2019.

Justice Vazeer, when delivering the court's unanimous decision, said the bench dismissed Gilbert's appeal against the murder conviction on the ground that his conviction for murdering Siti Kharina Mohd Kamarudin was safe to be upheld.

He said there was no necessity for the court to consider whether other statutory defences applied to Gilbert as the trial judge had rejected his (Gilbert's) defence of alibi. The appellate court also did not find any of the statutory defences applied to Gilbert, he added.

On the sentence, Justice Vazeer said there was also no suppression of evidence by the prosecution in not providing the entire recordings of a closed-circuit television camera (CCTV) at the Third Avenue Condominium in Cyberjaya, for the days after the incident, to the defence.

If the recording was essential for the defence case, Gilbert should have made an application for it to be produced, he added.

However, he said following

